

3756/1
Prinsip Perakaunan
Kertas 1
Ogos/September
2013
1 ¼ Jam



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013
ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A
PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

Jawab **semua** soalan.

- 1 Rajah di bawah menunjukkan simpan kira merupakan sebahagian daripada proses perakaunan.



X adalah sebahagian proses dalam simpan kira. Apakah X?

- A Merekod
 - B Mentaksir
 - C Merancang
 - D Menganalisis
- 2 Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu urus niaga bagi Perniagaan Kana.

Akaun Bank			
2013	RM		
Mac 5 Perabot	500		

Akaun Perabot			
	2013		RM
	Mac 5	Bank	500

Apakah prinsip yang diamalkan ?

- A Pemadanan
- B Catatan Bergu
- C Entiti Berasingan
- D Tempoh Perakaunan

- 3 Antara yang berikut, manakah komponen yang betul bagi Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira?

	Penyata Pendapatan	Kunci Kira-Kira
A	Aset, Belanja	Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil
B	Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil	Aset, Belanja
C	Aset, Liabiliti, Ekuiti Pemilik	Hasil, Belanja
D	Hasil, Belanja	Aset, Liabiliti, Ekuiti pemilik

- 4 Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Salimah Enterprise menunjukkan baki seperti yang berikut:

	RM
Aset	48 800
Liabiliti	21 400
Untung Bersih	3 360

Berapakah modal Perniagaan Salimah Enterprise?

- A RM24 040
 B RM30 760
 C RM66 840
 D RM70 200
- 5 Jadual di bawah menunjukkan kesan satu urus niaga ke atas aset dan ekuiti pemilik.

Urusniaga	Kesan ke atas	
	Aset	Ekuiti Pemilik
X	Berkurang	Berkurang

Pilih urus niaga yang berkaitan dengan X

- A Menerima tunai untuk sewa.
 B Membeli komputer dengan cek.

- C Membawa masuk van peribadi untuk kegunaan perniagaan.
 D Mengeluarkan tunai perniagaan untuk membayar sewa rumahnya.
- 6 Apakah hasil kendalian bagi Kedai Perabot Mewah?
- A Sewa diterima
 B Dividen pelaburan
 C Jualan almari dan rak kasut
 D Untung atas jualan kenderaan terpakai
- 7 Dokumen perniagaan di bawah dihantar oleh Kedai Roti Sedap.

SALINAN	NOTA KREDIT	NO:005
Kedai Roti Sedap 73, Taman Bukit Awi, 09000, Kulim, Kedah		
Kepada: Restoran Lazat 23, Taman Bersatu 09000, Kulim, Kedah		Tarikh: 4 Jun 2013
Bil	Butir	Jumlah (RM)
1	Roti Gulung Sardin (rosak 40 bungkus berharga RM 40 dalam invois No:211)	40.00
JUMLAH		40.00
<i>Siti</i> Pengurus		

Apakah tujuan Kedai Roti Sedap menghantar dokumen perniagaan tersebut?

- A Mengurangkan hutang Kedai Roti Sedap.
 B Mengurangkan hutang Restoran Lazat.
 C Menambah hutang Kedai Roti Sedap.
 D Menambah hutang Restoran Lazat.

- 8 Maklumat berikut berkaitan Kedai Emas Sinar.

Bank telah mengenakan caj bank kepada Kedai Sinar Emas
--

Apakah dokumen sumber yang akan diterima oleh Kedai Emas Sinar?

- A Nota debit
 - B Nota Kredit
 - C Makluman debit
 - D Makluman kredit
- 9 Maklumat di bawah diperoleh daripada Jurnal Pulangan Belian sebuah perniagaan.

Tarikh 2013	Butir	Jumlah RM
April 10	Perniagaan Munir	200
20	Kedai Subra	180
30	Y	380

Apakah Y?

- A Akaun belian
 - B Pelbagai pemiutang
 - C Akaun Pulangan Belian
 - D Jumlah Jurnal Pulangan Belian
- 10 Apakah dokumen sumber yang terlibat untuk merekod maklumat dalam Jurnal Belian?
- I Invois asal
 - II Invois salinan
 - III Nota debit asal
 - IV Nota kredit salinan
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III

D II dan IV

11 Urus niaga manakah yang akan direkod dalam Jurnal Khas?

- A Jualan kenderaan terpakai secara kredit.
- B Ambilan barang niaga untuk tujuan promosi.
- C Beliengkapan kedai daripada Perniagaan Ho.
- D Pulangan barang niaga kepada Pembekal Amrul.

12 Maklumat di bawah menunjukkan catatan dalam Jurnal Am Kedai Cat Sun Hun :

JURNAL AM			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2013 Mac 20	Ambilan Belian (mengambil 3 tin cat untuk kegunaan sendiri)	RM 540	RM 540

Apakah catatan yang perlu direkodkan dalam lejar pada tarikh tersebut?

- A
- | Akaun Ambilan | |
|---------------|-----|
| | RM |
| Ambilan | 540 |
- | Akaun Belian | |
|--------------|-----|
| RM | |
| Belian | 540 |
- B
- | Akaun Ambilan | |
|---------------|-----|
| RM | |
| Ambilan | 540 |
- | Akaun Belian | |
|--------------|-----|
| | RM |
| Belian | 540 |
- C
- | Akaun Ambilan | |
|---------------|-----|
| RM | |
| Belian | 540 |
- | Akaun Belian | |
|--------------|-----|
| | RM |
| Ambilan | 540 |
- D
- | Akaun Ambilan | |
|---------------|----|
| | RM |
- | Akaun Belian | |
|--------------|--|
| RM | |

	Belian	540	Ambilan	540	
--	--------	-----	---------	-----	--

- 13 Jadual di bawah berkaitan dengan Akaun Nyata dan Akaun Nominal sebuah perniagaan.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
I	Alat tulis	Insurans
II	Tunai	Alatan pejabat
III	Lengkapan	Komisen
IV	Premis	Kadar bayaran

Pilih pasangan akaun yang betul.

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 14 Berikut ialah Akaun Kawalan Penghutang bagi Kedai Buku Ceria.

Akaun Kawalan Penghutang					
2013		RM	2013		RM
Jan 1	Baki b/b	2 910	Jan 31	Bank	9 420
	S	10 780		Pulangan masuk	480
				Baki h/b	3 790
		<u>13 690</u>			<u>13 690</u>

Apakah **S**?

- A Jualan
 B Kontra
 C Hutang lapuk
 D Diskaun diberi

- 15 Imbangan duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Kekwa.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2012		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Pulangan	340	410
Diskaun	650	325
Belian dan Jualan	36 250	51 240
Penghutang dan Pemiutang	3 720	4 895
Z		2 400

Apakah Z ?

- A Bank
 - B Tunai
 - C Ambilan
 - D Komisen dibayar
- 16 Catatan manakah menunjukkan baki akaun yang betul pada akhir tempoh perakaunan?

	Butir	Baki
A	Stok Alat Tulis	Kredit
B	Faedah Simpanan Terakru	Kredit
C	Angkutan masuk terdahulu	Debit
D	Komisen diterima terdahulu	Debit

- 17 Pemilik Yakin Enterprise telah membeli insurans untuk kedainya pada 31 Julai 2012 dengan premium berjumlah RM1 200 setahun. Tempoh perakaunan perniagaannya berakhir pada 31 Disember 2012.

Berapakah insurans terdahulu pada Disember 2012?

- A RM100
- B RM500

C RM600

D RM700

18 Imbangan duga berikut diperoleh daripada Harmoni Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2013		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Lengkapan	13 000	
Penghutang dan Pemiutang	1 100	800
Tunai	1 060	
Angkutan masuk	115	
Angkutan keluar	125	
Belian dan jualan	3 200	8 650
Komisen		350
Gaji	1 200	
Modal		10 000
	19 800	19 800

Selepas imbangan duga disediakan, kesilapan berikut dikesan:

- Angkutan masuk RM30 telah direkod sebagai angkutan keluar.
- Jualan dan belian masing-masing terkurang rekod sebanyak RM150.

Berapakah jumlah imbangan duga selepas kesilapan dibetulkan?

A RM19 650

B RM19 770

C RM19 830

D RM19 950

19 Pada 31 Mei 2013, Cik Maya membayar cek RM990 kepada Krepek Timun Enterprise untuk menjelaskan hutang ayahnya yang telah meninggal dunia. Hutang tersebut telah dihapuskan sebagai hutang lapuk pada tahun 2010.

Bagaimanakah Krepek Timun Enterprise merekod transaksi di atas pada 31 Mei 2013?

	Debit	Kredit
A	Akaun Tunai	Akaun Hutang Lapuk
B	Akaun Tunai	Akaun Hutang Lapuk Pulih

C	Akaun Hutang Lapuk Pulih	Akaun Tunai
D	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Tunai

20 Antara berikut, butir manakah **tidak** terdapat dalam Kunci kira-kira?

- A Stok awal
- B Modal akhir
- C Ambilan barang
- D Baki tunai di bank

21 Maklumat berikut berkaitan dengan lori yang dimiliki oleh Pasaraya KEESOK. Lori tersebut telah dijual setelah digunakan selama hampir 2 tahun .

	RM
Kenderaan (kos)	70 000
Susut nilai terkumpul	23 233
Rugi atas pelupusan aset	5 513

Berapakah harga pelupusan lori tersebut?

- A RM41 254
- B RM46 767
- C RM55 580
- D RM64 487

22 Apakah tujuan kawalan tunai?

- I Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai.
- II Mengelakkan berlakunya kehilangan hasil akibat tunai yang terbiar.
- III Memastikan ketepatan catatan dan kesahihan rekod dalam Buku Tunai.
- IV Memastikan terdapat tunai yang cukup untuk belanja operasi perniagaan.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 23 Petikan Penyata bank dan Buku tunai berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Zammil.

Penyata Bank (petikan)					
Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2013 Jul 19	Deposit	050513	RM	RM 750	RM

Buku Tunai (Ruangan Bank)			
Tarikh	Butir	RM	
2013 Jul 19	En Zairee (050513)	570	

Setelah menerima penyata bank, Cik Zammil mendapati cek yang diterima daripada En Zairee telah tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemaskini Buku Tunai?

- A Debit RM180
 - B Debit RM750
 - C Kredit RM180
 - D Kredit RM750
- 24 Data berikut diperoleh daripada Wawa Enterprise untuk tujuan penyediaan Belanjawan Tunai bagi bulan Januari 2014.

Butir	RM
Baki awal	2 020
Jualan	12 000
Belian	5 890
Susut nilai lengkapan	250
Pelbagai belanja	2 900

Berapakah jumlah pembayaran bagi bulan Januari 2014?

- A RM2 960

- B RM3 210
- C RM8 790
- D RM9 040

25 Antara berikut, item manakah yang menambahkan gaji kasar seorang pekerja?

- I Zakat
 - II Elaun Perjalanan
 - III Elaun Sara Hidup
 - IV Pinjaman Kenderaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26 Maklumat berikut di peroleh daripada slip gaji seorang pekerja di Syarikat Lempoyang Ajaib Sdn Bhd.

Gaji Pokok	RM3 500
Elaun Sara Hidup	RM600
Jumlah Potongan	RM640

Kirakan gaji bersih pekerja tersebut.

- A RM2 900
- B RM3 460
- C RM4 100
- D RM4 740

27 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri perkongsian?

- I Liabiliti perniagaan tidak terhad.
- II Dikenakan cukai pendapatan perseorangan.
- III Untung rugi dibahagikan mengikut nisbah modal.
- IV Perniagaan diuruskan lembaga pengarah yang dilantik.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 28 Antara berikut, yang manakah **tidak** direkod dalam Akaun Semasa pekongsi?
- I Untung bersih
II Modal tetap pekongsi
III Faedah atas ambilan pekongsi
IV Faedah atas pinjaman pekongsi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 29 Tahun perakaunan firma Perkongsian Kira Duit berakhir pada 31 Disember 2012. Ambilan pekongsi sepanjang tahun tersebut seperti berikut:

	1 Januari 2012	1 Julai 2012
	RM	RM
Adriana	4 000	2 000

- Faedah atas ambilan pekongsi ialah 10% setahun. Berapakah faedah atas ambilan Adriana pada 31 Disember 2012?
- A RM200
B RM400
C RM500
D RM600
- 30 Apakah dokumen yang digunakan oleh syarikat awam berhad untuk menghebahkan penerbitan sahamnya kepada awam?
- A Sijil Penubuhan

- B Prospektus
- C Tataurusan
- D Tatawujud

31 Modal berdaftar Syarikat Dashboard Berhad terdiri daripada :

7 000 000 unit 5% saham keutamaan bernilai RM2.00 sesaham
5 000 000 unit saham biasa bernilai RM0.50 sesaham.

Syarikat menerbitkan 3 000 000 unit saham biasa dan 3 000 000 saham keutamaan pada nilai tara.

Berapakah modal belum diterbitkan?

- A RM2 000 000
- B RM5 000 000
- C RM7 500 000
- D RM9 000 000

32 Encik Syafiq adalah pekongsi Perkongsian Malar Hijau. Berdasarkan perjanjian yang telah dibuat, beliau berhak menerima elaun sebanyak RM6 000 setahun. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar elaun sebanyak RM2 000.

Bagaimanakah pernyataan di atas di rekod?

	Debit	RM	Kredit	RM
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Syafiq	6 000
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	6 000	Akaun Semasa Syafiq	4 000
C	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Syafiq	6 000
D	Akaun Pengasingan Untung Rugi	4 000	Akaun Semasa Syafiq	2 000

33 Di antara berikut yang manakah adalah perbelanjaan hasil bagi Kelab Rekreasi Sentosa ?

- A Kos pembelian kenderaan
- B Kos kelengkapan gimnasium

- C Kos pembinaan kolam renang
D Kos membersihkan bangunan

34 Berikut adalah maklumat berkaitan sewa diterima oleh Kelab Pencinta Alam bagi tahun berakhir 2012.

	1 Jan 2012	31 Dis 2012
Sewa terdahulu	RM100	RM200

Sewa diterima sepanjang tahun 2012 berjumlah RM6000.

Berapakah jumlah sewa yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan pada 31 Disember 2012?

A Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Sewa	5 900
------	-------

B Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Sewa	6 000
------	-------

C Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Sewa	6 100
------	-------

D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Sewa	6 300
------	-------

35 Data di bawah adalah maklumat yang diberikan oleh sebuah Perniagaan Abadi yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

	RM
Modal pada 1 Januari 2012	9 800
Modal pada 31 Disember 2012	20 700
Ambilan	1 900
Modal tambahan	2 000

Hitung untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

- A RM34 400
B RM30 600
C RM14 800
D RM10 800
- 36 Antara berikut , butir manakah menambahkan kos overhed kilang?
- I Sewa kilang
II Belanja elektrik pejabat
III Susut nilai alat-alat kecil
IV Upah operator pengeluaran
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 37 Butir manakah yang perlu dimasukkan dalam komponen kos bahan langsung?
- A Belanja iklan
B Insurans kilang
C Angkutan masuk
D Gaji penyelia kilang
- 38 Data berikut diperoleh daripada Syarikat Zinni yang menjual barangan perhiasan.
- | | |
|--------------|---------------|
| Kos tetap | RM6 000 |
| Harga jualan | RM5.00 seunit |
| Kos berubah | RM3.00 seunit |
- Hitungkan Titik Pulang Modal.
- A 1 200 unit
B 1 500 unit

- C 2 000 unit
- D 3 000 unit
- 39 Apakah yang dinilai oleh pengguna maklumat perakaunan melalui nisbah kecairan sesebuah perniagaan?
- A Menilai prestasi pengurusan sesebuah perniagaan
- B Menilai kecekapan pengurusan stok perniagaan
- C Menilai kemampuan menjelaskan hutang
- D Menilai tahap keuntungan perniagaan.
- 40 Maklumat berikut di perolehi daripada Perniagaan Amani.
- | | RM |
|-----------------|--------|
| Jualan | 28 000 |
| Pulangan Jualan | 500 |
| Kos Jualan | 20 000 |
- Kirakan peratus untung kasar atas jualan (margin).
- A 26.79%
- B 27.27%
- C 28.57 %
- D 29.09%

KERTAS SOALAN TAMAT

3756/2
Prinsip Perakaunan
Kertas 2
Ogos/September
2013
2 ½ jam



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

ANJURAN

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Bersama dengan kertas soalan ini tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Kertas Lejar	2 helai
Kertas Graf	1 helai
4. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
5. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
6. Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.
7. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan

Modul soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
*Jawab **semua** soalan*

1a)

Tahun	Jualan	Kos Jualan	Untung kasar	Belanja kendalian	Hasil	Untung bersih
2012	RM39 087	X	RM17 757	RM5 502	RM500	Y

Nilai X = _____

Y = _____

[2 markah]

1b) Namakan akaun yang perlu didebit dan dikreditkan bagi urusaniaga di bawah.

Urus niaga	Debit	Kredit
Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri		

[2 markah]

c) Namakan Buku Catatan Pertama bagi setiap urusaniaga di bawah .

Urusniaga	Buku Catatan Pertama
Bawa masuk kenderaan sebagai modal.	
Beli barang niaga secara kredit.	

[2 markah]

- d) Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Kejora pada 31 Mei 2013.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Penghutang	20 300	
Peruntukan Hutang Ragu		300

Maklumat Tambahan :

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% atas penghutang.

Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang dicatat dalam :

- i) Penyata Pendapatan : _____
- ii) Kunci Kira-kira : _____ [2 markah]
- e) Berikut adalah maklumat yang diambil daripada Belanjawan Tunai bagi bulan Mac 2013.
- Hitungkan baki akhir.

	RM
Baki awal	1 200
Pembayaran	5 000
Penerimaan	16 700

[2 markah]

- 2 Khalid dan Yeap adalah pekongsi dalam perniagaan Perkongsian Khayea yang berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah modal. Ikatan Perjanjian Perkongsian yang ditandatangani menetapkan perkara-perkara yang berikut:

- (i) Faedah atas modal ialah 5% setahun
- (ii) Ambilan pekongsi dikenakan faedah 10% setahun.
- (iii) Faedah atas pinjaman 8% setahun dan dikreditkan ke Akaun Semasa pekongsi.
- (iv) Yeap dibayar gaji RM12 000 setahun.

Imbangan duga Perkongsian Khayea pada 31 Disember 2012 ditunjukkan di bawah.

Imbangan Duga Pada 31 Disember 2012		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Januari 2012		
Khalid		60 000
Yeap		30 000
Akaun Semasa 1 Januari 2012		
Khalid		1 400
Yeap	1 000	
Ambilan:		
Khalid (30 September 2012)	8 000	
Yeap	6 000	
Belian dan Jualan	78 780	156 790
Penghutang dan Pemiutang	46 000	31 000
Stok 1 Januari 2012	8 778	
Tunai di tangan	4 996	
Susut Nilai Berkumpulan Lengkapan		7 875
Lengkapan (kos)	90 000	
Bank	15 468	
Gaji pekerja	7 500	
Gaji Yeap	9 000	
Insurans	9 600	
Angkutan Keluar	7 900	
Promosi	1 685	
Pinjaman daripada Khalid		8 000
Pulangan-pulangan	1 234	876
	295 941	295 941

Maklumat Tambahan:

- (i) Stok pada 31 Julai 2013 dinilai pada harga RM7 425.
- (ii) Angkutan keluar terakru RM253.
- (iii) Faedah atas pinjaman daripada Khalid masih terakru. Pinjaman dijangka dapat dijelaskan sepenuhnya pada 31 Mac 2014.
- (iv) Lengkapan disusutnilaikan 15% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 (termasuk pengasingan untung rugi) [13markah]
- (b) Akaun Semasa pekongsi dalam bentuk berlajur. [6markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2012 (tunjukkan modal kerja) [6markah]

- 3 (a) Puan Khatijah Abdullah pemilik Perniagaan Florist Ijah telah menerima Penyata Bank bulan Mei 2013. Beliau mendapati baki Penyata Bank berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai perniagaannya.

PENYATA BANK					
Bank Jaya Berhad (7669-M) Lot 14, Jalan LH 3 08000 Sg. Petani, Kedah					
Perniagaan Florist Ijah 2 Jalan Kempas 2/3 08000 Sg. Petani, Kedah			No. Akaun: 20016843003153 Tarikh : 31 Mei 2013		
Tarikh	Keterangan	No. Cek	Wang Keluar (Debit)	Wang Masuk (Kredit)	Baki
2013					
Mei 1	Baki b/b				2 880
2	Cek	110909	400		2 480
2	Cek	110910	410		2 070
5	Deposit			540	2 610
9	Cek	110911	530		2 080
16	Cek cawangan sendiri	288361		720	2 800
16	Cek	110912	700		2 100
18	Buku cek		35		2065
21	Deposit			3 100	5 165
22	Ara Trading – Pindahan kredit			693	5 858
25	Cek	110913	600		5 258
26	Insurans – Arahan tetap		450		4 808
29	Cek	110914	7 500		(2 692)
29	Deposit			1 200	(2 275)
30	Dividen – Berjaya Berhad			210	(1 282)
31	Faedah atas overdraf		55		(1 337)

Buku Tunai (ruangan bank)

2013		RM	2013		No. cek	RM
Mei 1	Baki b/b	2 070	Mei 7	Perniagaan Teh	110911	530
3	Jualan	540	14	Sheena Trading	110912	700
15	Kedai Reen	720	23	Sahibul Enterprise	110913	600
20	Jualan	3 010	27	Lengkapan	110914	7 500
25	Peter Enterprise	1 200	30	Perniagaan Bain	110915	400
26	Perniagaan Wan	800	31	Belian	110916	500
28	Kedai Dilla	925				
31	Baki h/b	965				
		10 230				10 230

Maklumat tambahan:

- Deposit pada 20 Mei, dicatat dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.
- Cek yang diterima daripada Kedai Dilla pada 28 Mei, dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2013 tanpa mengemaskini Buku Tunai.

[12 markah]

(b) Perniagaan Sinar Ilmu yang telah memulakan perniagaan menjual buku dan majalah pada 1 Januari 2013, menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan lajur analisis alatulis, belanja pos dan belanja am. Wang permulaan sebanyak RM400 diperuntukkan sebagai dana tunai runcit. Berikut adalah penggunaan wang pada bulan Jun 2013.

2013	RM
Jun 1 Baki awal	165
1 Penerimaan cek daripada Ketua Juruwang	235
4 Kertas A4	26
9 Komputer pejabat	1 600
12 Fail	5
14 Minuman pejabat	32
17 Setem dan pos laju	12
19 Pewangi pejabat	22
21 Pen dan pensel	21
23 Gaji kerani pejabat	800
25 Dakwat pencetak	30
27 Surat berdaftar	6
30 Upah bersih pejabat	35

Sediakan Buku Tunai Runcit pada 30 Jun 2013. (Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2013)
Anda hendaklah menggunakan Buku Tunai Runcit di lampiran A

[13 markah]

Bahagian B
[40 markah]
Jawab **dua** soalan sahaja

4. Di bawah adalah maklumat dari buku Perniagaan Ya Hanana pembekal barang pertanian yang beroperasi di Pekan Padang Setol untuk bulan Julai 2013.

JURNAL AM

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2013 Julai 1	Tunai		800	
	Bank		15 000	
	Perabot		2 000	
	Berjaya Enterprise		900	
	Perniagaan Emas		4 300	
	Perabot Mewah Bhd			2 000
	Modal			21 000
	(merekodkan aset liabiliti dan ekuiti pemilik)		23 000	23 000
28	Hutang Lapuk Berjaya Enterprise (merekodkan hutang lapuk)		900	900

JURNAL BELIAN

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah
2013 Julai 3	Perniagaan Bersatu		123	6 000
31	Akaun Belian	Dt		6 000

JURNAL JUALAN

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah
2013 Julai 10	Perniagaan Indah		321	5 000
15	Perniagaan Emas		322	4 300
31	Akaun Jualan	Kt		9 300

JURNAL PULANGAN JUALAN

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah
2013 Julai 14	Perniagaan Indah		99	400
31	Akaun Pulangan Jualan	Dt		400

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Folio	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Diskaun	Tunai	Bank
2013						2013					
Julai 1	Baki	b/b		800	15 000	Julai 6	Belian			1 600	
8	Jualan			1900		10	Kadarmayaran			500	
24	Penghutang Indah				3 000	16	Perniagaan Bersatu				4 000
27	Komisen			800		26	Perabot Mewah Bhd				2 000
29	Perniagaan Emas		300		4 000	30	Sewa				700
						31	Baki	h/b		1 400	15 300
									-	3 500	22 000
			300	3 500	22 000						
Ogos 1	Baki	b/b		1 400	15 300						

(a) Rekodkan maklumat di atas dalam akaun-akaun berikut:

- Akaun Modal [1 markah]
- Akaun Perabot [1 markah]
- Akaun Hutang lapuk [1 markah]
- Akaun Belian [2 markah]
- Akaun Jualan [2 markah]
- Akaun Pulangan Jualan [1 markah]
- Akaun Diskaun diberi [1 markah]
- Akaun Komisen diterima [1 markah]
- Akaun Kadar bayaran [1 markah]
- Akaun Sewa [1 markah]

(b) Sediakan Akaun Kawalan Penghutang dan imbangkan. [8 markah]

5. (a) Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Kemeja Smart.

Paras Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	80 000	0
1 000	100 000	60 000
3 000	140 000	180 000

Kos tetap diandaikan malar.

Berdasarkan jadual di atas, anda dikehendaki :

(i) Plot graf titik pulang modal di atas kertas graf dengan menunjukkan:

- Garisan kos tetap
- Garisan jumlah kos
- Garisan jumlah hasil
- Tandakan titik pulang modal (dengan menunjukkan dalam unit dan RM)

[6 markah]

(ii) Menghitung kos berubah seunit

[2 markah]

(iii) Menghitung harga jualan seunit

[2 markah]

- 5(b) Pada 1 Julai 2012, Syarikat Bina Berhad telah memulakan perniagaan dengan modal berdaftar sebanyak 550 000 unit 8% saham keutamaan berharga RM2 sesaham dan 950 000 unit saham biasa berharga RM 1 sesaham.

Pada tarikh yang sama, syarikat telah menerbitkan 450 000 unit saham keutamaan dan 700 000 unit saham biasa pada nilai tara kepada orang ramai. Semua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- Membayar dividen interim 6% kepada pemegang saham keutamaan pada 31 Disember 2012.
- Mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang saham keutamaan pada 30 Jun 2013.

Anda dikehendaki :

- | | | |
|------|-------------------------------------|-------------|
| (i) | Menghitung | |
| | (a) Modal dibenarkan | [2 markah] |
| | (b) Modal diterbitkan | [2 markah] |
| | (c) Dividen interim saham keutamaan | [2 markah] |
| | (d) Dividen akhir saham keutamaan | [2 markah] |
| (ii) | Menyatakan maksud dividen interim. | [2 markah] |

6. Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada buku-buku Kelab Mesra Alam, Bedong Kedah.

(a) Aset dan liabiliti kelab tersebut:

	01 Julai 2012	30 Jun 2013
	RM	RM
Kenderaan	30 000	30 000
Lengkapan	3 000	2 770
Yuran tertunggak	300	550
Yuran terdahulu	140	100
Stok alat tulis	70	44
Sewa alatan sukan terakru	-	60
Insuran terdahulu	-	50
Bank	12 500	?

(b) Akaun Penerimaan dan Pembayaran:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2013			
Baki b/b	12 500	Air dan elektrik	1 000
Yuran pendaftaran	5 250	Belanja Majlis Amal	10 000
Yuran ahli	11 890	Makanan Majlis Amal	600
Derma	4 500	Insurans	600
Kutipan Majlis Amal	20 500	Akhbar dan majalah	1 230
Sewa alatan sukan	5 600	Lengkapan	300
		Alat tulis	223
		Belanja baiki kenderaan	500
		Perabot	2 000
		Baki h/b	43787
	<u>60 240</u>		<u>60 240</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Perabot dibeli pada 1 Januari 2013 dan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (ii) Yuran pendaftaran dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (iii) Bayaran penceramah majlis amal masih belum dijelaskan RM500
- (iv) Yuran yang masih tertunggak tahun lepas bernilai RM80 dihapuskira sebagai yuran lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Penyata mengira untung atau rugi majlis amal [3 markah]
- (c) Penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2013. [10 markah]
- (d) Penyata mengira dana terkumpul pada 1 Julai 2012. [3 markah]

LAMPIRAN A

BUKU TUNAI RUNCIT

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan RM	Pembayaran RM	Analisis Bayaran		
					Alat Tulis RM	Belanja Pos RM	Belanja Am RM



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

MODUL A PRINSIP PERAKAUNAN Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini adalah SULIT .

Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh di maklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 2 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

Skema kertas 1

No.soalan	A	B	C	D
1	√			
2		√		
3				√
4	√			
5				√
6			√	
7		√		
8			√	
9			√	
10	√			
11				√
12			√	
13				√
14	√			
15	√			
16			√	
17				√
18				√
19		√		
20	√			
21	√			
22		√		
23	√			
24			√	
25			√	
26		√		
27	√			
28	√			
29			√	
30		√		
31				√
32		√		
33				√
34	√			
35				√
36		√		
37			√	
38				√
39			√	

40		$\sqrt{\quad}$		
JUMLAH	11	9	10	10



SULIT

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

MODUL A
PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini adalah SULIT .
Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh di maklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan. Peraturan pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

[Lihat sebelah

Jawapan:

1a)

$$\begin{array}{rcl} \text{Nilai X} & = & 21\,330 \\ & & \hline \text{Y} & = & 12\,755 \end{array} \quad (2\text{m})$$

b)

Urus niaga	Debit	Kredit
Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri	Ambilan	Belian

(2m)

c)

Urusniaga	Buku Catatan Pertama
Bawa masuk kenderaan sebagai modal	Jurnal Am
Beli barangniaga secara kredit	Jurnal Belian

(2 m)

d)

- i) Penyata Pendapatan : 715
- ii) Kunci kira-kira : 1015 (2m)

e)

Baki awal	1 200	} (1m) atau (2m)
(+) Penerimaan	<u>16 700</u>	
(-) Pembayaran	5 000	
Baki akhir	12 900	

*1m: Jika Baki awal + penerimaan @ Baki awal- pembayaran

2a

Perkongsian Khayea			
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012			
	RM	RM	RM
Jualan			156 790
- Pulangan			<u>1 234</u>
Jualan bersih			155 556 (1)*
<u>- Kos Jualan</u>			
Stok awal		8 778	
Belian	78 780		
- Pulangan	<u>876</u>	<u>77 904</u>	
Kos barang untuk dijual		86 682 (1) terima tanpa butir	
- Stok akhir		<u>7 425</u>	
Kos Jualan			<u>79 257</u> (1OF*)
Untung kasar			76 299 (1OF)
<u>- belanja</u>			
Angkutan keluar(7900+253)		8 153	(1OF#)
Faedah atas pinjaman (8000 x 8%)		640	(1OF#)
Susut nilai lengkapan (90000 x 15%)		13 500	(1OF#)
Insurans		9 600	
Gaji pekerja		7 500	
Promosi		<u>1 685</u>	<u>41 078</u>
Untung bersih			35 221 (1)
<u>+ Faedah atas ambilan</u>			
Khalid (8000 x 10% x 3/12)		200 (1/2)	
Yeap (6000 x 10%)		<u>600 (1/2)</u>	<u>800</u>
			36 021
<u>- Faedah atas modal</u>			
Khalid (75000 x 5%)	3 000 (1/2)		
Yeap (25000 x 5%)	<u>1 500 (1/2)</u>	4 500	

- Gaji Yeap (9000 + 3000)	<u>12 000</u> (1)	<u>16 500</u>
		19 521

Kongsi Untung :

Khalid (19521 x 2/3)	13 014	(1OF [^])
Yeap (19521 x 1/3)	<u>6 507</u>	(1OF [^])
		<u>19 521</u>

[13 markah]

Nota:

- 1 Jualan bersih* :RM155 556 (1 markah)
Angka mesti tepat dan mesti ada Jualan – Pulangan.
X terima jualan bersih tanpa Jualan – Pulangan.
- 2 Kos Jualan RM79 257 (1 markah)
Syarat 1OF*
a) KBDJ – Stok akhir.
b) Operasi mesti betul.
- 3 Untung Kasar Syarat 1OF
Operasi betul (Jualan Bersih – Kos Jualan)
- 4 Belanja-belanja 1OF# :
1 markah jika angka tepat;
1OF# jika angka akhir salah tapi jalan kerja betul.
- 5 Kongsi untung 1OF[^]
a) 1 markah jika angka tepat. ;
b) 1OF jika kongsi untung diagih mengikut nisbah yang betul.
(sama ada ditunjukkan jalan kerja atau tidak – yang penting agihan betul
ikut nisbah – cikgu tolong kira)

(1OF#)

2b.

Akaun Semasa

2012		Khalid	Yeap		2012		Khalid	Yeap	
Jan-01	Baki b/b		1 000		Jan-01	Baki b/b	1 400		
Dis 31	Ambilan	8 000	6 000		Dis 31	Faedah atas modal	3000	1 500	(1OF*)
	Faedah atas ambilan	200	600	1OF*		Gaji		3000	(1)
	Baki h/b	9 854	3 407	(1FB)		Faedah atas pinjaman	640		
						Kongsi untung	13014	6507	(1OF*)
		18 054	11 007				18 054	11 007	
					2013				
					Jan 1	Baki b/b	9 854	3 407	(1OF#)

[6 markah]

Nota :

- 1) 1OF* - rujuk item yang sama di 2a (sama untuk dua-dua pekongsi)
- 2) 1FB -baki untuk Khalid danYeap mesti tepat.
- 3) 1OF# - rujuk baki h/b untuk dua-dua pekongsi.

2c.

Perkongsian Khayea			
Kunci kira-kira pada 31 Disember 2012			
	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Lengkapan		90 000	
- Susut nilai terkumpul (7875+13500)		<u>21 375</u>	
			68 625 (1OF*)
<u>Aset Semasa</u>			
Stok akhir		7425	
Penghutang		46 000	
Bank		15 468	
Tunai		<u>4 996</u>	
		73889	(1OF**)
<u>- Liabiliti Semasa</u>			
Pemiutang	31 000		
Angkutan keluar terakru	<u>253</u>		
		<u>31 253</u>	(1)
Modal kerja			<u>42 636</u> (1OF#)
			<u>111 261</u>
Dibiayai oleh:			
Ekuiti Pemilik:			
Modal			
Khalid		60 000	
Yeap		<u>30 000</u>	90 000
AkaunSemasa			
Khalid		9 854	} 1OF##
Yeap		<u>3 407</u>	
			<u>13 261</u>
			103 261
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman daripada Khalid			<u>8 000</u> (1)
			<u>111 261</u>
			[6 markah]

Nota:

- 1) Aset bersih - 1OF*jika
 - a) Susut nilai terkumpul= RM7 875 + susut nilai di Untung rugi dan
 - b) operasi betul => lengkapan – snt.
- 2) Aset Semasa – 1OF**
 - a) Mesti ada stok akhir, dan mana-mana dua item semasa yang lain .
 - b) Tidak ada butir asing.
- 3) Modal kerja– 1OF#
 - a) Butir ‘Modal kerja’ mesti ada.
 - b) Sebarang angka asalkan jumlah asetsemasa – jumlah liabiliti semasa.
 - c) Jumlah aset semasa dan jumlah liability semasa mesti ditunjukkan.
- 4) Akaun Semasa – 1OF##
 - a) Rujuk 2b – baki h/b pada 31 Dis 2012 atau baki b/b Jan 1 2013.

3. (a)

Perniagaan Florist Ijah			
Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Mei 2013			
	RM	RM	
Baki kredit/overdraf Buku Tunai (1/2)		(965)	(1/2)
+ Cek belum dikemukakan:			
Perniagaan Bain /No Cek 110915	400 (1)		
Belian	500 (1)		
Dividen	210 (1)		
Ara Trading (pindahan kredit)	693 (1)		
Jualan (kesilapan catatan)	90 (1)	1 893	
		928	
- Deposit belum dikreditkan:			
Perniagaan Wan	800 (1)		
Buku cek	35 (1)		
Insurans (arahan tetap)	450 (1)		
Faedah atas overdraf	55 (1)		
Kedai Dilla (cek tak laku)	925 (1)	2 265	
Baki debit/overdraf Penyata Bank (1/2)		(1 337)	(1/2)

[12 markah]

ATAU

Perniagaan Florist Ijah			
Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Mei 2013			
	RM	RM	
Baki debit/overdraf Penyata Bank(1/2)		(1 337)	(1/2)
+ Deposit belum dikreditkan:			
Perniagaan Wan	800 (1)		
Buku cek	35 (1)		
Insurans (arahan tetap)	450 (1)		
Faedah atas overdraf	55 (1)		
Kedai Dilla (cek tak laku)	925 (1)	2 265	
		928	
- Cek belum dikemukakan :			
Perniagaan Bain/ No Cek 110915	400 (1)		
Belian	500 (1)		
Dividen	210 (1)		
Ara Trading (pindahan kredit)	693 (1)		
Jualan (kesilapan catatan)	90 (1)	1 893	
Baki kredit/overdraf Buku Tunai(1/2)		(965)	(1/2)

[12 markah]

Nota : semua butir dan angka mesti betul untuk dapat 1m.

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

3 (b)

BUKU TUNAI RUNCIT

Tarikh	Butir	Fol	Penerimaan RM		Pembayaran RM		Analisis Bayaran					
							Alat Tulis RM		Belanja Pos RM		Belanja Am RM	
2013												
Jun 1	Baki b/b		165	(1/2)								
1	Bank		235	(1/2)								
4	Kertas A4				26	(1/2)	26	(1/2)				
12	Fail				5	(1/2)	5	(1/2)				
14	Minuman pejabat				32	(1/2)					32	(1/2)
17	Setem dan pos laju				12	(1/2)			12	(1/2)		
19	Pewangi pejabat				22	(1/2)					22	(1/2)
21	Pen dan pensel				21	(1/2)	21	(1/2)				
25	Dakwat pencetak				30	(1/2)	30	(1/2)				
27	Surat berdaftar				6	(1/2)			6	(1/2)		
30	Upah bersih pejabat				35	(1/2)					35	(1/2)
					189							
	Baki h/b				211	(1/2)						
			400		400		82		18		89	
Julai 1	Baki b/b		211	(1/2)								
1	Tunai		189	(1)								
									(1)			

[13 markah]

4a.

Akaun Modal

	RM		RM
	<u> </u>	Julai 1 Baki b/b	<u>21 000</u> (1)

Akaun Perabot

	RM		RM
Julai 1 Baki b/b	<u>2 000</u> (1)		<u> </u>

Akaun Hutang lapuk

	RM		RM
Julai 28 Berjaya Enterprise	<u>900</u> (1)		<u> </u>

Akaun Belian

	RM		RM
Julai 6 Tunai	1 600 (1)		
31 Pel. pemiutang	<u>6 000</u> (1)		<u> </u>

Akaun Jualan

	RM		RM
	<u> </u>	Julai 8 Tunai	1 900 (1)
		31 Pel. penghutang	<u>9 300</u> (1)

Akaun Pulangan Jualan

	RM		RM
Julai 31 Pel. Penghutang	<u>400</u> (1)		<u> </u>

Akaun Kadarbayaran

	RM		RM
Julai 10 Tunai	<u>500</u> (1)		<u> </u>

Akaun Sewa

	RM		RM
Julai 30 Bank	<u>700</u> (1)		<u> </u>

Akaun Diskaun diberi

	RM		RM
Julai 31 Pel. Penghutang	<u>300</u> (1)		<u> </u>

Akaun Komisen diterima

RM		RM
<u> </u>	Julai27 Tunai	<u>800</u> (1)

[12 markah]


4

Akaun Kawalan Penghutang

		RM			RM
Julai 1	Baki b/b	5200 (1)	Julai 31	Pulangan Jualan	400 (1)
31	Jualan	9300 (1)		Diskaun diberi	300 (1)
				Hutang lapuk	900 (1)
				Bank	7000 (1)
				Baki h/b	4300 (1)
		14500			14500
	Baki b/b	4300 (1)			

[8 markah]

5 (a) i)Graf Titik pulang modal



[6 markah]

ii) Kos berubah seunit = $\frac{\text{perbezaan jumlah kos}}{\text{perbezaan unit}}$

$$= \frac{\text{RM } 100\,000 - \text{RM } 80\,000}{1000 - 0} \quad \text{atau 1 markah}$$

$$= \text{RM } 20 \quad \text{atau 2 markah}$$

ATAU

$$= \frac{\text{RM } 140\,000 - \text{RM } 100\,000}{3000 - 1\,000} \quad \text{atau 1 markah}$$

$$= \text{RM } 20 \quad \text{atau 2 markah}$$

iii) Harga jualan seunit = $\frac{\text{perbezaan jumlah hasil}}{\text{perbezaan unit}}$

$$= \frac{\text{RM } 60\,000 - 0}{1000 - 0} \quad \text{atau 1 markah}$$

$$= \text{RM } 60 \quad \text{atau 2 markah}$$

ATAU

$$= \frac{\text{RM } 180\,000 - \text{RM } 60\,000}{3000 - 1\,000} \quad \text{atau 1 markah}$$

$$= \text{RM } 60 \quad \text{atau 2 markah}$$

5.(b) i) Modal dibenarkan

$$\begin{array}{lcl} \text{Saham biasa} & = & 950\,000 \times \text{RM } 1 = \text{RM } 950\,000 \\ \text{Saham keutamaan} & = & 550\,000 \times \text{RM } 2 = \underline{\text{RM } 1\,100\,000} \end{array} \left. \vphantom{\begin{array}{l} \text{Saham biasa} \\ \text{Saham keutamaan} \end{array}} \right\} \text{atau mana-mana 1 betul (1)}$$
$$\underline{\text{RM } 2\,050\,000} \quad \text{atau (2)}$$

ii) Modal diterbitkan

$$\begin{array}{lcl} \text{Saham biasa} & = & 700\,000 \times \text{RM } 1 = \text{RM } 700\,000 \\ \text{Saham keutamaan} & = & 450\,000 \times \text{RM } 2 = \underline{\text{RM } 900\,000} \end{array} \left. \vphantom{\begin{array}{l} \text{Saham biasa} \\ \text{Saham keutamaan} \end{array}} \right\} \text{atau mana-mana 1 betul (1)}$$
$$\underline{\text{RM } 1\,600\,000} \quad \text{atau (2)}$$

iii) Dividen interim Saham Keutamaan

$$\begin{aligned} \text{Saham keutamaan} &= \text{RM } 900\,000 \times 6\% \quad (1) \\ &= \underline{\text{RM } 54\,000} \quad \text{atau (2)} \end{aligned}$$

iv) Dividen akhir Saham keutamaan

$$\begin{aligned} \text{Saham keutamaan} &= \text{RM } 900\,000 \times 2\% \quad (1) \\ &= \underline{\text{RM } 18\,000} \quad \text{atau (2)} \\ &\quad (1) \end{aligned}$$

- v) Dividen interim ialah sebahagian keuntungan syarikat yang diagihkan kepada pemegang saham dalam tahun perakaunan sebelum keuntungan sebenar diketahui.(1)

[2]

6(a)

Akaun Yuran					
2012			RM	2012	RM
	Baki b/b /				
Jul-01	Yuran tertunggak	(1/2)	300	Jul-01	Yuran terdahulu 140 (1/2)
2013				2013	
Jun-30	Pendapatan dan	(1)	12 260	Jun-30	Bank 11 890
	Perbelanjaan				Yuran lapuk 80 (1)
	Baki h/b /				Baki h/b /
	Yuran terdahulu		100		Yuran tertunggak 550
			<u>12 660</u>		<u>12 660</u>

[4 markah]

b)

Kelab Mesra Alam		
Penyata Mengira Untung Rugi Majlis Amal		
Pendapatan		
Kutipan Majlis Amal	20500	(1)
Perbelanjaan		
Belanja Majlis Amal	10 000	} 1 OF
Makanan Majlis Amal	600	
Penceramah Majlis Amal	500	
	11 100	
UNTUNG MAJLIS AMAL	9 400	(1)

[3 markah]

Nota

6 (a) Penggunaan butiran mesti selaras

(b) Perbelanjaan – mana-mana satu betul 1 OF

c) **Kelab Mesra Alam**

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2013

Pendapatan :

Yuran ahli	12 260	(1OF)
Derma	4 500	
Yuran pendaftaran	5 250	
Sewa alatan sukan (5600+60)	5 660	(1)
Untung Majlis Amal	9 400	(1OF)
	37 070	

(-) Perbelanjaan :

Air dan elektrik	1 000	
Yuran lapuk	80	
Insurans (600 -50)	550	(1)
Akhbar dan majalah	1 230	
Alat tulis (70+223-44)	249	(1 +1OF#)
Belanja baiki kenderaan	500	
Susutnilaiengkapan (3000+300-2770)	530	(1+1OF#)
Susutnilai perabot (2000x10%x6/12)	100	(1)
	4 239	
Lebihan	32 831	(1)

d) **Kelab Mesra Alam**

Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Julai 2012

Aset :

Kenderaan	30 000	
Lengkapan	3 000	
Yuran tertunggak	300	
Stok alat tulis	70	
Bank	12 500	45 870 (1OF)

(-) Liabiliti:

Yuran terdahulu	140	(1)

Dana Terkumpul 1 Julai 2012

45 730 (1)

Syarat: (alatulis)
Angka 249 2 markah

Syarat 1OF → Base RM70 mesti tepat
Opearasi betul salah satu (70 +223)
(70 – 44)

Syarat susutnilai lengkapan
Angka 100 -> 2m

Syarat OF
Base (3 000 – 2 770)
@ (3 000 +300)